



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 JANUARI 2021 (SELASA)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

12 JANUARI 2021 (SELASA)

Tiada pembelian panik di Melaka

MELAKA — Tiada pembelian panik direkodkan di negeri ini. Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Norena Jaafar berkata, bekalan makanan keperluan di seluruh negeri ini mencukupi bagi menampung keperluan pengguna secara berterusan.

Jelasnya, pihaknya telah membuat pemantauan membabitkan 140 perincian Peruncit Terpilih Daerah (DDR), 58 Pemborong Terpilih Daerah (DDW) dan juga sejumlah Mini Stok dari senarai DDW yang terdiri dari para peniaga barang keperluan di seluruh negeri.

"Sehingga semalam pihak kami tidak menerima laporan dan hasil pemantauan penguasa juga mendapati tiada pembelian panik berlaku di negeri ini, malah semua bekalan barang di semua sektor peruncitan masih mencukupi.

"Sejak awal bulan ini sehingga semalam, sebanyak 809 premis perniagaan juga telah diperiksa bagi memastikan bekalan keperluan harian

sentiasa mencukupi di negeri Melaka," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ujarnya, pemeriksaan berkalajuga akan dipertingkatkan sehingga 50 premis sehari dalam usaha memastikan rakyat negeri Melaka tidak mengalami masalah dalam mendapatkan barang keperluan harian.

"Setakat ini semua premis perniagaan di peringkat pengilang, pemberong dan peruncit masih beroperasi seperti biasa dan ini telah menyumbang kepada kestabilan dan keberadaan barang keperluan di dalam pasaran.

"Antara barang yang dipantau termasuk gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih, susu tepung, ayam, sayur-sayuran, telur, bawang, cecair sanitasi tangan dan pelitup muka," katanya.

Mengulas lanjut, beliau turut memberitahu, sekalipun PKP dilaksanakan, keperluan makanan asas tetap mencukupi ekoran situasi pelaksanaan kali ini berbeza berbanding tahun lalu yang dibuat dalam keadaan tidak bersedia.



PENGUAT kuasa KPDNHEP Melaka membuat pemeriksaan barang keperluan di salah sebuah premis di bandar Melaka semalam.



KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan akan membatalkan permit import kepada syarikat yang menyalahgunakan logo halal. — GAMBAR HIASAN

Permit batal jika import daging tanpa sijil halal

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA — Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sedia membatalkan permit import (AP) syarikat yang didapati terlibat dalam kartel pengedaran daging sejuk beku tanpa sijil halal sah.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee menegaskan, pihaknya tidak akan bertolak ansur jika ada kakitangan kementerian itu sendiri yang terbabit dalam isu berkenaan.

"Kita tidak akan berkompromi sekiranya mendapati ada dalam kalangan warga kementerian ini sendiri yang terlibat selain akan membatalkan AP terhadap syarikat tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan Amanat Tahun 2021 dan melancarkan Kalam Antirasuah Kementerian itu di

Wisma Tani di sini semalam.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menyampaikan Sijil MS ISO 9001: 2015 kementerian tersebut bagi tahun 2020 hingga 2023 dan juga melancarkan Tabung Akrab MAFI Prihatin.

Mengulas lanjut, Kiandee berkata, siasatan terperinci masih lagi dijalankan bagi mengenal pasti kakitangan kementerian itu yang terbabit dalam kartel berkenaan untuk diambil tindakan.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh dedah sebab nanti ganggu siasatan, tetapi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang meneliti isu ini," jelas beliau.

Isu 'panas' itu mula tular selepas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) melakukan serbuan di sebuah gudang di Senai, Johor pada 1 Disember tahun lalu.

Operasi hasil risikan agensi itu menemui 1,500 tan daging bernilai RM30 juta yang diseledup dari Argentina, Brazil, China dan Ukraine dengan menggunakan sijil berlogo halal diragui.

Susulan itu, dua pengarah syarikat Raihanah Cold Storage Sdn. Bhd. ditahan dan didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 30 Disember lalu di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Menyentuh tindakan ke atas syarikat terlibat, beliau memaklumkan bahawa pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DSV) turut menilai senarai semua pengimport daging sejuk beku.

Kiandee turut memberi jaminan bahawa pihak yang terlibat dalam isu kartel tersebut akan diambil tindakan segera dan tiada pihak akan terlepas bagi memulihkan keyakinan rakyat setelah isu itu terbongkar awal bulan lalu.

HARI : SELASA
TARIKH : 12/1/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

- Ayam RM5.99
- Daging Lembu Tempatan RM32
- Daging Lembu Import RM24

- Telur Gred A RM9.50
- Ikan Kembung RM6.99
- Minyak Masak RM5.32

- Gula Pasir RM2.85
- Bawang Besar Holland RM2.69
- Bawang Putih RM4.88

- Cili Merah RM10.99
- Kubis Tempatan RM3.80
- Tepung Gandum RM2.15

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

Tidak perlu panik, barang mencukupi



Pegawai penguat kuasa KPDNHEP ketika melakukan tinjauan di pasar raya di negeri ini.

MELAKA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka menasihatkan orang ramai tidak melakukan pembelian panik berikutan pengumuman khas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

KPDNHEP turut memberi jaminan bahawa bekalan barang makanan dan keperluan di semua sektor peruncitan di negeri ini mencukupi.

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, pihaknya tidak menolak laporan mengenai situasi pembelian panik yang berlaku di beberapa kawasan di negara ini berikutan pengumuman khas itu yang dikatakan bertujuan mengekang penularan wabak Covid-19.

“Semua premis perniagaan di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit masih beroperasi seperti biasa dan ini telah menyumbang kepada kestabilan dan keberadaan barang keperluan di dalam pasaran.

“Keadaan ini berbeza ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama kali dilaksanakan pada 18 Mac tahun lalu kerana kebanyakan premis perniagaan terpaksa ditutup dan memberi kesan kepada keberadaan bekalan barang keperluan di dalam pasaran,” katanya dalam satu kenyataan di sini, pada Isnin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, barang yang dipantau termasuk gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih, susu tepung, ayam, sayur-sayuran, telur, bawang, cecair sanitasi tangan dan pelitup muka.

Menurutnya, sehingga semalam pihaknya tidak menerima sebarang aduan berkaitan pembelian panik atau kekurangan bekalan makanan di pasaran.

“Kita mengingatkan kepada semua peniaga sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP sentiasa bersedia dan melakukan pemantauan bagi memastikan tiada pelanggaran undang-undang berlaku,” katanya.

Kerajaan, pengimport dan pengedar duduk semeja bincang isu kartel daging import haram

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM

Kerajaan mengadakan rundingan meja bulat bersama pengimport dan pengedar daging serta produk daging sebagai salah satu usaha menyelesaikan isu kartel daging import haram di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, kerajaan memandang serius isu halal dan integriti dalam pengurusan halal.

“Dengan sokongan semua pihak, saya yakin usaha itu bakal menatijahkan penyelesaian terbaik untuk Malaysia, juga kepada rakyat negara ini khususnya

Rundingan daging import



Ciapan Zulkifli mengenai rundingan meja bulat bersama pengimport dan pengedar daging serta produk daging pada Isnin di akaun Twitter rasmi beliau.

umat Islam,” katanya menerusi ciapan di Twitter pada Isnin.

Menurut Zulkifli, rundingan tersebut turut dihadiri wakil

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Permeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Pada 2 Disember lalu, *Sinar Harian* berjaya membongkar taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging berkenaan menggunakan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia.

Operasi kartel daging sejuk beku itu dibongkar menerusi satu serbuan bersepada pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, Johor.

Bekalan mencukupi, tiada pembelian panik di Kedah

ALOR SETAR - Tiada pembelian panik dilaporkan berlaku di Kedah, malah bekalan barang keperluan juga mencukupi untuk tempoh sekurang-kurangnya dua minggu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah, Rae Morn Verak berkata, anggota penguat kuasa KPDNHEP telah menjalankan pemantauan dan pemeriksaan barang-barang keperluan secara harian membatikan 180 peruncit dan 81 pemborong terpilih di negeri ini.

Katanya, antara barang yang dipantau termasuk gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih, susu tepung, ayam, sayur-sayuran, telur, bawang, cecair pembasmi kuman dan pelitup muka.

"Hasil pemeriksaan kita mendapat bekalan mencukupi terutama untuk barang asas seperti gula sebanyak 832 tan metrik, selain minyak masak (392

tan metrik), tepung gandum (456 tan metrik) dan gas petroleum cair (46,869 tong)," katanya kepada pemberita ketika membuat tinjauan di sebuah syarikat pemborong di sini pada Isnin.

Beliau berkata, orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak melakukan pembelian panik kerana ia boleh memberi kesan pengurangan bekalan barang keperluan dalam pasaran.

"Ketika ini semua premis perniagaan di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit masih beroperasi seperti biasa dan menyumbang kepada kestabilan barang keperluan dalam pasaran," katanya.

Tambah Rae Morn, KPDNHEP juga akan sentiasa berhubung dengan pihak pemborong untuk memastikan stok barang sentiasa mencukupi sekiranya kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di beberapa negeri terpilih.



Rae Morn (kanan) memantau bekalan barang di sebuah syarikat pembekal di Alor Setar pada Isnin.